

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI  
SAMSUDIN [ MASJID TANAH ]**

**SOALAN NO. 439**

**DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [ MASJID  
TANAH ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang kesan  
terhadap penggunaan rokok elektronik berdasarkan kajian terkini dan  
perbezaan dengan rokok biasa.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Rokok elektronik atau Vape merupakan sejenis produk merokok yang baru di masa kini. Masalah penggunaan rokok elektronik atau Vape di Malaysia telah bermula seawal tahun 2013 dan telah memuncak penggunaannya di Malaysia pada tahun 2016. Masalah ini bukan sahaja berlaku di Malaysia malah ia juga merupakan satu epidemik global yang mengundang kebimbangan pelbagai pihak.

Penggunaan rokok elektronik dicipta dengan harapan menyediakan alternatif yang “lebih selamat” namun ianya telah terbukti memudaratkan kesihatan. Seperti rokok konvensional, penggunaan rokok elektronik juga akan menyebabkan ketagihan dan kebergantungan oleh penggunaanya disebabkan oleh sejenis bahan yang dinamakan nikotin. Ketagihan dan kebergantungan terhadap nikotin adalah sangat tinggi jika dibandingkan dengan bahan-bahan ketagihan lain seperti ganja dan heroin. Seperti rokok konvensional, kadar penyerapan nikotin ke otak menggunakan rokok elektronik juga adalah sangat pantas iaitu secepat dua (2) saat.

Kajian yang dijalankan pada tahun 2015 juga menunjukkan pendedahan otak kepada nikotin semasa remaja amat berbahaya kerana zaman remaja adalah peringkat kritikal perkembangan otak dan berisiko untuk mencuba bahan-bahan terlarang yang menjurus kepada penyalahgunaan dadah. Nikotin pula mempunyai kesan sampingan tersendiri. Penyerapan nikotin ke dalam salur darah boleh menyebabkan jantung berdenyut dengan kadar yang lebih tinggi, pembekuan darah dan jika ini berterusan ia boleh meningkatkan tekanan darah dan kegagalan jantung.

Selain mengandungi nikotin, cecair rokok elektronik juga mengandungi bahan-bahan lain seperti propilin glikol yang boleh menyebabkan iritasi kepada saluran pernafasan, gliserin yang boleh menyebabkan iritasi kepada kulit, mata dan kerosakan organ dalaman serta bahan-bahan perasa yang boleh membunuh sel paru-paru, otak dan lapisan kulit.

Selain daripada mengandungi bahan yang boleh membahayakan kesihatan, terdapat juga kejadian-kejadian seperti kanak-kanak tertelan cecair rokok elektronik sehingga membawa kepada kematian dan kejadian letupan peranti rokok elektronik yang dilaporkan di seluruh dunia. Tambahan pula, pada masa sekarang, penggunaan rokok elektronik jenis yang lebih kecil iaitu "*POD*" telah menjadi semakin popular di mana tahap keselamatannya perlu dibuat perincian. Buat masa kini, pihak Kementerian Kesihatan tidak mempunyai data berkaitan bilangan orang yang telah dikesan mengalami masalah kesihatan akibat penggunaan rokok elektronik namun pemantauan secara berterusan telah dijalankan.

Sekian, terima kasih.